

Nasihat Dr Mahathir kepada ahli Umno

Usah ghairah jadi calon

Oleh JAILANI HARUN

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan semua ahli Umno supaya jangan terlalu ghairah untuk menjadi calon dalam pilihanraya, berikutan ramalan yang mengatakan pilihanraya akan diadakan tidak lama lagi.

Presiden Umno itu menegaskan, pemilihan calon akan ditentukan oleh kepemimpinan parti.

"Pucuk pimpinan parti akan menentukan siapakah yang layak menjadi calon berdasarkan beberapa kriteria, termasuk kebolehan, kepopularan, sikap dan kecekapan seseorang.

"Sesiapa yang didapati layak akan dicalonkan, tidak kira siapa," katanya di sidang akhbar selepas mengadakan perjumpaan dengan semua ketua bahagian Umno di sini, semalam.

Menurutnya, jentera parti akan membuat penilaian terlebih dahulu terhadap senarai yang ada, tetapi ahli Umno sendiri mestilah membentuk barisan belakang yang kuat bagi membolehkan Umno berupaya membentuk kerajaan.

"Jangan fikirkan sangat mengenai pencalonan. Apa yang penting ialah kita mesti menentukan calon Umno menang di semua tempat.

"Kita mahu kemenangan menyeluruh. Kalau seorang calon Umno kalah, itu bukan bermakna kejayaan besar bagi kita," katanya.

Berikutan itu, beliau menasihatkan ahli Umno supaya berusaha meningkatkan perpaduan demi menjamin kejayaan parti.

Di perjumpaan itu, Datuk Seri Dr Mahathir memberi penjelasan kepada semua ketua bahagian mengenai tugas dan tanggungjawab mere-

ka dalam membuat persediaan bagi menghadapi kemungkinan pilihanraya umum.

Beliau menegaskan, ketua bahagian berfungsi penting kerana mereka menguasai sesuatu kawasan pilihanraya, di samping mengenal pasti apakah kedudukan, minat dan pengetahuan pengundi mengenai Umno dan kerajaan.

Ketua bahagian juga, katanya, harus bijak mempengaruhi pengundi agar memihak kepada calon Umno atau calon Barisan Nasional (BN).

Mengenai calon luar yang dibawa masuk untuk bertanding di bahagian lain, beliau berkata kes 'calon terjun' seperti itu tidak dapat dielakkan, tetapi ia semata-mata untuk kebaikan parti.

"Saya sendiri bukan calon asal kawasan saya. Kalau semua ketua bahagian secara automatik menjadi calon pilihanraya, sudah tentulah saya tidak dapat bertanding lagi pada masa akan datang," katanya.

Beliau bagaimanapun enggan memberitahu bilakah pilihanraya umum akan diadakan.

Menjawab soalan sama ada beliau merancang mengadakan pilihanraya umum selepas selesainya Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) dan pembentangan Belanjawan 1990, Datuk Seri Dr Mahathir berkata semua faktor diambil kira.

Sebelum itu, beliau berkata semua parti komponen BN juga sudah bersiap sedia untuk menghadapi pilihanraya umum.

Mengenai isu bahagian yang belum selesai menjalankan mesyuarat agung, Datuk Seri Dr Mahathir berkata Majlis Tertinggi Umno yang akan bermesyuarat pada 4 November ini, akan mencari jalan mengatasi masalah itu.

Turut hadir di perjumpaan itu ialah Timbalan Presiden Umno Encik Ghafar Baba, Setiausaha Agung Datuk Mohamed Rahmat, serta ahli-ahli Majlis Tertinggi parti.